

Bengkel Ruqyah beri peluang warga UMS pelajari pengubatan Islam

UB 18.4.2019 B2

KOTA KINABALU: Exco Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah Jakmas Kolej Kediaman Excellent, Universiti Malaysia Sabah menganjurkan Program Bengkel Ruqyah 2.0 yang bertempat di Dewan Kuliah Pusat Kedua (DKP12) pada 30 dan 31 Mac lepas.

Program ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai warga UMS untuk didedahkan mengenai cara pengubatan Islam melalui medium yang betul.

Selain itu program ini memberi didikan serta kelayakan kepada pengubatan Islam disamping ia dapat meningkatkan penglibatan pelajar Kolej Kediaman Excellent dalam program yang

dianjurkan.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar Kolej Kediaman Excellent, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman Eco Park, Kolej Kediaman Tun Mustapha, KRM, dan YADIM.

Antara tetamu jemputan dalam program ini ialah Ustaz Arbaen Bin Shawal, Pengetua Dr. Syahruddin Hj. Awg Ahmad, Timbalan Pengetua Mat Usup Bin Hj. Rasid, Felo-Felo Blok dan Jakmas.

Pengarah program Mohamad Ezzan Bin Rusli berkata program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai warga UMS untuk didedahkan dan dididik tentang cara pengu-

batan yang betul serta memberi kelayakan kepada peserta untuk membantu masyarakat dari segi pengubatan Islam.

Antara pengisian dalam program Bengkel Ruqyah ini ialah Tazkiyatun NAFS, mengenal bomoh, mengetahui ciri-ciri gangguan jin, mengetahui teknik Ruqyah Mandiri, meruqyah air, meruqyah rumah, ruqyah masal dan banyak lagi.

Keistimewaan Program ini ialah mata SDP, Merit KKE, Sijil yang diiktiraf oleh Quranic Healing diberikan kepada pelajar yang datang.

Pelajar akan memperoleh ilmu perubatan Islam yang dapat diguna pakai serta disebarluaskan kepada orang lain yang tidak dapat menghadiri.

Beliau berharap dengan program ini, semua peserta dapat ilmu mengenai perubatan Islam dalam medium yang betul supaya dapat mempraktikkannya dalam diri sendiri dan seterusnya boleh membantu keluarga, masyarakat dalam hal sedemikian.

Program ini disempurnakan lagi oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Arbaen Bin Shawal yang merupakan Biro Dakwah dan Latihan (Master Trainer), Quranic Healing Sabah (QHS).



PENYAMPAIAN Cenderahati kepada penceramah Ruqyah 2.0.